

**KENYATAAN AKHBAR
OLEH
YBHG. PROF. DATO' IR. DR. RADIN UMAR BIN RADIN SOHADI
KETUA PENGARAH
JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA
MENGENAI
KAEDAH PENGIRAAN MARKAH MERIT BAGI PEMILIHAN
KEMASUKAN KE IPTA
PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM/SETARAF
SELARAS DENGAN PENGGREDAN BARU SPM
OLEH KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
MULAI SESI AKADEMIK 2010/2011**

1. Sukacita dimaklumkan kaedah pengiraan merit kemasukan pelajar ke IPTA bagi Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf berdasarkan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum yang diselaraskan dengan sistem penggredan baru keputusan SPM oleh Kementerian Pelajaran Malaysia(KPM) mulai Sesi Akademik 2010/2011.
2. Kaedah Pengiraan Markah Merit Pelajar bagi kemasukan ke IPTA Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf merangkumi proses penentuan aliran, penyediaan dan pengiraan merit serta penyediaan susunan merit.
3. Mulai Tahun 2010 bagi calon Lepas SPM 2009, KPM akan melaksanakan sistem penggredan baru bagi Sijil Peperiksaan Malaysia. **Penggredan baru tersebut mewujudkan peringkat kelulusan A+ .**
4. Sehubungan itu, KPT juga akan melaksanakan kaedah pengiraan markah merit terkini dengan perubahan kecil

kepada kaedah sedia ada. Pengiraan merit adalah berdasarkan nilai gred mata pelajaran bagi tujuan pengiraan markah adalah seperti berikut :

GRED SPM		NILAI MARKAH BAGI PENGIRAAN MERIT
DAHULU (Sebelum 2010)	SEKARANG (Mulai 2010)	
-	A+	18
1A	A	16
2A	A-	14
3B	B+	12
4B	B	10
5C	C+	8
6C	C	6
7D	D	4
8E	E	2
9G	G	0

5. Kaedah pengiraan markah merit yang dilaksanakan ini juga mengambil kira syarat khas kemasukan program pengajian dengan memastikan bahawa pelajar yang dahulunya mendapat **gred 6C (Kepujian)** tidak diturun taraf ke gred yang lebih rendah serta mengelakkan perubahan besar dalam syarat khas program pengajian yang perlu mendapat kelulusan Senat IPTA.
6. Justeru itu, pemprosesan, pengiraan markah merit, syarat am universiti , syarat khas program pengajian serta pemilihan calon bagi Program Pengajian Lepas SPM/Setaraf Sesi Akademik 2010/2011 dilaksanakan secara dua kaedah dalam proses transisi iaitu **kaedah sedia**

ada bagi calon Lulusan SPM Tahun 2008 dan sebelumnya serta kaedah terkini bagi calon Lulusan SPM Tahun 2009 (Semasa). Kaedah ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar bukan tahun semasa mengemukakan permohonan serta dipertimbangkan secara adil, telus serta bersistematik dalam pemilihan kemasukan ke IPTA berasaskan dasar sedia ada.

7. Pengiraan markah merit calon yang merangkumi proses penentuan aliran, penyediaan dan pengiraan merit serta penyediaan susunan merit adalah seperti di **Lampiran 1**.
8. KPT bersetuju untuk mengadakan **road show taklimat kepada Guru Bimbingan & Kaunseling** mengenai perubahan kaedah pengiraan markah merit dengan menggunakan sistem penggredan baru SPM 2009 bagi proses pemilihan kemasukan ke IPTA Sesi Akademik 2010/2011.
9. KPT juga akan mengemas kini maklumat mengenai kaedah pengiraan markah merit terkini melalui cetakan dan agihan brosur ke Jabatan Pelajaran Negeri dan sekolah. Maklumat ini juga akan disebarluaskan melalui laman web KPT, KPM, Laman Web rasmi Kemasukan Ke IPTA <http://upu.mohe.gov.my>, MyGovernment dan IPTA.
10. Pelaksanaan kaedah pengiraan markah merit terkini juga akan disebarluaskan melalui **Karnival Pengajian Tinggi Negara 2010 anjuran KPT dengan kerjasama KPM** mulai minggu pertama Januari hingga akhir Mac 2010 di 10 zon terpilih seluruh negara.

11. Pelaksanaan dasar baru kaedah pengiraan markah merit Lelasan SPM adalah selaras dengan sistem penggredan baru oleh KPM akan disebarluaskan kepada kumpulan sasaran seperti pelajar, ibu bapa, guru, masyarakat dan *stake holder* KPT serta diberi keutamaan bagi memastikan maklumat yang tepat dan terkini disampaikan kepada kumpulan sasaran.

**Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia**

Oktober 2009